

03/11/2003

Pas enggan ulas peralihan kuasa kepemimpinan negara

KUALA LUMPUR: Pembangkang yang selama ini mencurigai keikhlasan Tun Dr Mahathir Mohamad untuk bersara, kini membisu dan enggan mengulas mengenai peralihan kuasa dalam kerajaan dan Umno.

Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Dr Hatta Ramli, yang pernah mengeluarkan kenyataan 'pedas' apabila Dr Mahathir mengumumkan hasratnya untuk bersara pada perhimpunan agung Umno Jun tahun lalu, ketika dihubungi semalam, enggan memberi sebarang ulasan mengenai persaraan Dr Mahathir Jumaat lalu.

"Saya tidak ingin mengulas... itu saja," katanya ringkas.

Sebelum ini, beliau yang juga Setiausaha Politik Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, menyifatkan pengumuman mengejut Dr Mahathir ketika itu sebagai sandiwara terbesar dalam sejarah Umno.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, juga pernah mengeluarkan kenyataan bahawa partinya tidak percaya Dr Mahathir akan meletakkan jawatan sehinggalah beliau meninggalkan rumahnya di Seri Perdana dan pejabat Perdana Menteri.

Nasharuddin bagaimanapun tidak dapat dihubungi untuk mengulas perkara berkenaan.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Pas sejak dulu lagi memang sering memperkecilkan kredibiliti dan hajat Dr Mahathir untuk bersara dengan menganggapnya sebagai sandiwara.

"Sekarang seluruh dunia sudah tahu bahawa Dr Mahathir ikhlas dan sudah pun bersara serta menyerahkan pucuk kepemimpinan kepada Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi)," katanya.

Beliau berkata, pemimpin pembangkang terutama Pas hanya bercakap 'ikut sedap mulut' selama ini dan bukan berasaskan fakta, dengan tujuan memburuk-burukkan personaliti Dr Mahathir.

Ini semua, katanya, disebabkan mereka sudah ketandusan modal untuk dijaja kepada pengikut parti itu.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M Kayveas, berkata pembangkang sebenarnya tidak kenal Dr Mahathir dan tidak matang berpolitik.

"Kini tembelang pembangkang sudah pecah dan rakyat sendiri boleh menilai betapa pembangkang sanggup menjadikan apa saja perkara sebagai isu termasuk persaraan Dr Mahathir," katanya.